

16/11/2003

Tembok Besar China jadi saksi

Ahmad Azahari Mohd Nazar

CUACA dingin dan angin kencang di Tembok Besar China di Beijing menguji kekuatan mental dan fizikal 23 peserta yang mahu mencipta sejarah tersendiri untuk dihadiahkan kepada Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Walaupun tenaga semakin berkurangan dalam keadaan sejuk yang mencengkam tulang, namun slogan Malaysia Boleh adalah penawar yang membangkitkan semangat peserta sehingga tamat cabaran pada tengah hari, 2 November lalu.

Itulah kejayaan 23 penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang berhasil menaikkan nama Malaysia dan berjaya mencatatkan sejarah baru dalam Malaysia Book Of Records dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang 3.2 kilometer di Tembok Besar China.

Sebahagian kecil daripada keperkasaan dan kehebatan tembok itu "hilang" seketika kerana dilitupi Jalur Gemilang terpanjang dan kain rentang "Tahniah Pak Lah PM Ke-5, Terima Kasih Tun Dr Mahathir".

Yang jelas kejayaan mencipta rekod itu yang dianjurkan dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) cawangan khas kampus itu ditujukan khas kepada Perdana Menteri baru sambil mengucapkan terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad yang begitu banyak berjasa kepada rakyat dan negara.

Peserta terpaksa mengharungi keadaan suhu yang terlalu sejuk antara 2 hingga 6 darjah Celsius dan juga keadaan angin yang bertiup kencang sewaktu merentang Jalur Gemilang yang terpanjang ini, keperitan jelas terasa kerana ekspedisi 23 penuntut ini dilakukan pada bulan puasa dalam usaha mencipta rekod yang baru.

Pengarah Program yang juga Ketua Ekspedisi Merentang Jalur Gemilang Terpanjang di Tembok Besar China 2003, Muhd Nur Azrul Che Zabani, berkata kejayaan merentang Jalur Gemilang itu adalah hasil kerjasama berpasukan dan semangat untuk tidak mudah mengaku kalah dan putus asa.

Paling menyentuh perasaan apabila mereka bertekad untuk menghadiahkan kejayaan itu khas buat Pak Lah dan Tun Dr Mahathir. Rekod yang dibuat ini adalah rekod pertama yang akan disahkan oleh Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Kejayaan 23 penuntut - 13 wanita dan 10 lelaki yang dipilih daripada pelbagai fakulti di UiTM. Turut serta dalam ekspedisi ini adalah Datuk Danny Ooi dari Malaysia Book Of Records dan juga penasihat program, Paiza Idris.

Mengulas lanjut mengenai cabaran yang bermula pada 2 November tepat jam 8.30 pagi, Nur Azrul berkata Jalur Gemilang mula direntang sepanjang Tembok Besar China di Juyongguan, Beijing dan tamat tepat jam 12.30 tengah hari.

Sepanjang cabaran bermula pelbagai dugaan dan juga rintangan terpaksa rempuh oleh peserta di mana Jalur Gemilang yang telah siap direntang dan diikat ditiup angin kuat dan terpaksa diikat semula, tenaga semakin berkurangan keadaan sejuk yang melampau ternyata membataskan lagi pergerakan peserta namun semangat Malaysia Boleh adalah kata-kata penawar yang membangkitkan semangat peserta sehingga menamatkan cabaran.

Setiausaha program, Wajidah Azhara berkata dia dan rakan-rakannya dari GPMS UiTM akan meneruskan lagi cabaran Malaysia Boleh ini pada Jun tahun depan dengan membawa misi Keamanan Malaysia iaitu menutup Piramid di Kaherah, Mesir dengan Jalur Gemilang.

Setelah selesai cabaran merentang Jalur Gemilang terpanjang di Tembok

Besar China 2003 ini, Datuk Danny Ooi dari Malaysia Book Of Records telah menyerahkan sijil Malaysia Book Of Records kepada Ketua Ekspedisi/ Pengarah Program, Muhd Nur Azrul dengan disaksikan oleh Menteri Penasihat dari Kedutaan Malaysia Beijing, Azmil Zabidi dan juga peserta serta warga kedutaan Malaysia di Beijing.

Bagi mereka ingin berkongsi pengalaman bolehlah menghubungi Muhd Nur Azrul menerusi talian 019-3784644 atau e-mel azrul9836@yahoo.com atau Wajidah Azhara menerusi talian 012-9707085.

Namun, ekspedisi itu tidak akan berhasil tanpa kerjasama Kedutaan Malaysia di Beijing, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Wisma Putra, Yayasan Kajian Strategik Melayu (YKSM), Kerajaan Perak, Kerajaan Selangor dan Penerbangan Malaysia (MAS).